

20 SEP 2002

Mahathir-Pembangkang

DR MAHATHIR SEMPAT SINDIR PEMBANGKANG

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempat menyindir anggota-anggota pembangkang yang cuba mengganggunya ketika membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat, hari ini.

Semasa menyentuh keadaan ekonomi negara berikutan krisis ekonomi sejak 1998, beberapa anggota pembangkang menepuk meja apabila Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan mengumumkan kemerosotan pelaburan swasta serta peningkatan perbelanjaan sektor awam.

"(Pembangkang) Tak faham kot," kata Dr Mahathir sambil meneruskan pembentangan belanjawan itu.

Beberapa anggota pembangkang terus menepuk meja ketika Dr Mahathir menyentuh mengenai langkah-langkah kerajaan bagi mencergaskan semula sektor swasta termasuk penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat serta masalah hutang tidak berbayar.

Berikutan itu, Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada pembangkang kerana terus berkelakuan demikian.

"Terima kasih kerana tepuk, ini kejayaan kami," katanya disambut dengan gelak-ketawa anggota-anggota Parlimen dan orang ramai yang berada di dalam dewan ketika itu.

Dr Mahathir juga beberapa kali tersasul termasuk ketika meminta kaum Bumiputera menjauhkan diri daripada "budaya tongkat" iaitu tidak lagi beranggapan kerajaan akan berterusan menolong mereka.

"Oleh itu, jauhkanlah diri sedikit daripada parti lawan...jauhkan diri sedikit dari tongkat dan berdirilah atas kaki sendiri," kata Dr Mahathir yang kemudian memberitahu Yang Dipertua Dewan Rakyat Tun Dr Mohamed Zahir Ismail bahawa beliau sebenarnya tersasul.

Dr Mahathir yang kelihatan kurang sihat kerana selesema terpaksa beberapa kali menghentikan ucapannya untuk minum air.

Beliau menamatkan ucapan pembentangan itu yang mengambil masa 2 jam 40 minit dengan membacakan empat baris sajaknya yang bertajuk "Perjuangan Belum Selesai" dan mengakhirinya dengan ucapan "Keranamu Malaysia".

-- BERNAMA

RZS HS NAK